



SIARAN AKHBAR

PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK (BDCB)

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa menurut Bab 13 dan 14 Perintah BDCB, 2010, dengan ini dimaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan pegawai-pegawai kanan seperti berikut:

- 1. Yang Mulia Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu**
Timbalan Pengarah Urusan (Pengawalseliaan dan Penyeliaan), BDCB
dilantik sebagai **Ahli Lembaga Pengarah BDCB**
dan seterusnya menjawat jawatan **Pengarah Urusan, BDCB;**
- 2. Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman**
Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa), BDCB
ditukar portfolionya bagi mengambil alih jawatan **Timbalan Pengarah Urusan (Pengawalseliaan dan Penyeliaan), BDCB;**

dan
- 3. Yang Mulia Awang Mardini bin Haji Eddie**
Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari), BDCB
dilantik sebagai **Timbalan Pengarah Urusan (Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa), BDCB.**

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Sabtu, 19 Jamadilakhir 1446H bersamaan 21 Disember 2024.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 18 Jamadilakhir 1446H/ 20 Disember 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3